

KES PENIPUAN PEKERJAAN DI KEMBOJA

# Dua lagi suspek ditahan

➔ Polis serbu dua lokasi berasingan di Kuching

Oleh Garret Dawum  
garret@nstp.com.my

▪ Kuching

**D**ua lagi suspek kes penipuan pekerjaan membabitkan 47 rakyat Malaysia di Kemboja ditahan dalam serbuan di dua lokasi berasingan di bandar raya ini, kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah

Komersial Sarawak, Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah, berkata kedua-dua suspek ditahan pada jam 5 petang, susulan maklumat risikan.

“Seorang lelaki dan wanita masing-masing berusia 35 tahun ditahan di dua rumah berasingan, iaitu di Traffic Garden dan Taman Chung Hua di sini.

“Polis turut merampas telefon bimbit, kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM) dan MasterCard Bigpay,” katanya dalam kenyataan semalam.

**Positif dadah**

Beliau berkata, ujian saringan awal air kencing turut mendapati suspek lelaki positif dadah jenis Methamphetamine.

“Kes diasiat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan atas kesalahan melakukan penipuan,” katanya.

Sebelum ini, seorang lelaki warga tempatan berusia 35 tahun yang juga suspek pertama direman empat hari bagi membantu siasatan kes penipuan pekerjaan di Kemboja membabitkan 47 warga Malaysia.

Mereka merangkumi 40 individu berasal dari Sarawak dan masing-masing tiga dari Sabah serta Selangor, selain seorang dari Kuala Lumpur.

Mereka ditahan dalam serbuan pihak berkuasa di dua rumah berasingan di Poipet dalam wilayah Banteay Mancheay, kira-kira 446 kilometer ke utara Phnom Penh pada 11 Disember lalu.

[FOTO NADIM BOKHARI /BH]



Suspek kes penipuan pekerjaan membabitkan 47 warga Malaysia di Kemboja dibawa ke Mahkamah Majistret Kuching, semalam.